



Soalan 14 – 17 berdasarkan petikan cerpen di bawah ini.

"Lim Meng cakap dia nak balik pada Tahun Baharu ini." Pada riak wajah Sim Pau terlukis perasaan yang amat menggembirakan hatinya. Segala kekusutan dan kerinduan yang membelit hatinya perlahan-lahan terungkai setelah menjawab panggilan telefon yang baru sahaja diletakkan gagangnya.

"Aku tak benarkan dia menjejakkan kaki di rumah ini lagi." Lim Pooi keras membantah. Air mukanya tidak sesekali menggambarkan kata-katanya itu sebagai lelucon yang boleh ditertawakan. Sebaliknya, kata-katanya itu ibarat racun yang disembur pada ladang *bunga-bunga gembira* yang baru sahaja berputik dalam hati Sim Pau. Baginya hutang darah perlu dibayar dengan darah.

"Dia anak kita," Sim Pau membalas.

"Dia bukan anak aku." Lim Pooi masih berada dalam *kandang kemarahan*. Begitu keras dia menyatakan bahawa Lim Meng bukan anaknya, bukan daripada benih yang disemainya bersama-sama dengan Sim Pau. Dia yang berada di atas kerusi malas terus menggerakkan kerusi itu. Bebola matanya sedikit pun tidak menangkap wajah Sim Pau yang sedang bercakap dengannya.

Sim Pau seakan-akan terkunci mulutnya. Air matanya sudah tiada nilai lagi bagi Lim Pooi. Sedikit pun air mata itu tidak dapat menyejukkan hati Lim Pooi. Lim Pooi memang berhati kering. Dia tidak mudah tersentuh dengan hidangan air mata yang melimpah-ruah.

"Anak aku dah meninggal dunia." Ketika Lim Pooi mengeluarkan kata-kata itu ada nada sebu menyerbu hatinya. Sim Pau dapat merasainya.

"Sejak dia lahir, semuanya jadi haru-biru. Perniagaan aku lingkup. Banyak kecurian yang berlaku. Hidup aku tak tenang dan kerana dialah Lim Foong meninggal dunia." Walau apa-apa pun Lim Pooi tetap menyalahkan Lim Meng.

(Dipetik daripada cerpen 'Kuih Bakul Limau Mandarin',
antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1,
Kementerian Pendidikan Malaysia)

14. Berdasarkan petikan, mengapakah wajah Sim Pau amat gembira?

- A Lim Pooi membenarkan Lim Meng pulang ke rumah.
- B Lim Pooi mengaku bahawa Lim Meng ialah anaknya.
- C Lim Meng hendak pulang ke rumah bersempena dengan Tahun Baharu Cina.
- D Lim Meng sudah berbaik-baik dengan Lim Pooi.

15. Rangkai kata *kandang kemarahan* dan *bunga-bunga gembira* merujuk gaya bahasa

- A hiperbola. C metafora.
- B simile. D personifikasi.

16. Berdasarkan petikan cerpen, mengapakah Lim Pooi marah akan Lim Meng?

- A Lim Meng telah mencuri barang-barang di kedainya.
- B Lim Pooi hidup dalam keadaan tidak tenang akibat perniagaannya lingkup selepas kelahiran Lim Meng.
- C Lim Meng telah merampas perniagaan Lim Pooi sehingga perniagaan Lim Pooi lingkup.
- D Lim Meng telah menyebabkan Lim Pooi dan Sim Pau bergaduh.



17. Antara yang berikut, yang manakah **benar** tentang petikan cerpen di atas?
- A Sim Pau menyalahkan Lim Meng sebagai penyebab kematian Lim Foong.
- B Lim Pooi telah menganggap anaknya Lim Meng sudah meninggal dunia.

- C Lim Meng mewarisi perniagaan ayahnya, Lim Pooi.
- D Lim Pooi menjemput Lim Meng pulang ke rumah bersempena dengan Tahun Baharu Cina.

Soalan 18 – 20 berdasarkan sajak di bawah ini.

KITA UMPAMA SEHELAI DAUN

*kita umpama sehelai daun
bertunas segar di hujung ranting
lalu melebar dan merimbun
tempat bercanda unggas meriang
di bawah redup bebayang mentari*

*andai kikir jasa dan bakti
di mana lagi tempat bernaung
dari tusukan bahang memijar
unggass kecil tidak berkudrat*

*kita umpama sehelai daun
bakal kering sampai waktunya
usahlah angkuh keupayaan diri
sehingga lupa makhluk duafa
ingin bernaung mencari hidup*

*jadilah sehelai daun
hijau menunas menyegar mata
kering gugur menjadi baja*

SMAHADZIR

(Dipetik daripada antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia)

18. Rangkap keempat sajak di atas menyatakan bahawa
- A manusia perlu melihat daun-daun pada setiap masa.
- B manusia perlu membuat baja daripada daun-daun kering.
- C manusia perlu membuat kebaikan sepanjang masa.
- D manusia perlu berpakaian seperti sehelai daun pada setiap masa.
19. Baris sajak *bakal kering sampai waktunya* bermaksud
- A manusia akan meninggal dunia apabila tiba waktunya.

- B manusia akan membakar daun-daun kering pada waktu petang.
- C manusia suka mencantas dahan-dahan yang kering.
- D manusia akan mengharungi musim kemarau apabila tiba waktunya.
20. Rangkai kata *kita umpama sehelai daun* dalam rangkap 1 sajak merupakan contoh gaya bahasa
- A simile.
- B anafora.
- C metafora.
- D epifora.